

Bicara Najib, Irwan tahun depan


KUALA LUMPUR 14 Mei - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 52 hari bermula 6 Januari 2020 bagi perbicaraan kes pecah amanah dana kerajaan berjumlah RM6.6 bilion melibatkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Tan Sri Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Tarikh berkenaan ditetapkan oleh Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali ketika pengurusan kes yang dihadiri oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Jamil Aripin dan peguam-peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib dan Datuk K. Kumaraendran bagi pihak Mohd. Irwan Serigar.

Sementara itu, Hakim Mohd. Nazlan berkata, tarikh perbicaraan kes berkenaan yang ditetapkan selama 28 hari bermula 8 Julai hingga 22 Ogos ini, dilampangkan bagi memberi



NAJIB TUN RAZAK



IRWAN SERIGAR

lalu kepada perbicaraan kes SRC International Sdn. Bhd. yang dihadapi Najib.

Pada Januari lalu, pihak pendakwaan memaklumkan pihaknya akan memanggil 70 saksi bagi memberi keterangan sepanjang perbicaraan kes pecah amanah berkenaan. Saksi-saksi berkenaan merupakan sebahagian daripada 138 saksi berpotensi untuk dipanggil memberi keterangan.

Najib, 66, dan Mohd. Irwan Serigar, 62, mengaku tidak bersalah atas enam pertuduhan pecah amanah membabitkan dana kerajaan Malaysia berjumlah lebih RM6.6 bilion.

Mengikut pertuduhan, kedua-duanya sebagai penjawat awam iaitu masing-masing atas kapasiti Menteri Kewangan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan ketika itu telah diamanahkan wang antara RM220 juta dan RM1.3 bilion milik kerajaan Malaysia didakwa telah melakukan pecah amanah terhadap harta tersebut.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara minimum dua tahun dan maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh juga dikenakan denda.